



**KEPADA SEMUA PENSYARAH YANG DIHORMATI  
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA**

YBhg. Prof. Dato'/Prof./Prof. Madya Dr./Dr./Tuan./Puan,

**SISTEM PEMENTORAN AKADEMIK FKAB**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Pementoran merupakan satu kaedah bimbingan akademik dalam meningkatkan tahap kompetensi pelajar. Pementoran ini melibatkan semua pelajar tanpa mengira tahap prestasi pencapaian mereka. Cuma kaedah bimbingan untuk kumpulan pelajar ini berbeza mengikut tahap pencapaian akademik. Setiap pelajar yang mendaftar di FKAB telah ditentukan mentor mereka masing-masing oleh pihak jabatan.

Bermula semester 1 Sesi Pengajian 2017/2018 kesemua pelajar perlu berjumpa dengan mentor mereka untuk mendapat bimbingan dan khidmat nasihat akademik supaya prestasi akademik pelajar sentiasa meningkat. Pertemuan ini adalah **WAJIB** dan perlu dilakukan pada awal setiap semester. Borang Mentor-Mentee (Rujuk Lampiran) telah disediakan dan pelajar perlu membawa borang ini untuk diisi oleh mentor masing-masing dan seterusnya diserahkan kepada Pejabat Dekan. Borang tersebut juga boleh dimuat turun dari laman sesawang fakulti pada bahagian Pra siswazah.

Sistem pementoran di FKAB menggunakan dua platform iaitu i-HPP dan Portfolio Akademik Pelajar. Pendekatan yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Menggunakan sarung lelabah i-HPP untuk **memantau pencapaian** dan **perkembangan atribut** pelajar.
2. Menggunakan Port-folio Akademik Pelajar untuk **memantau hasil kerja** dan **perancangan kemajuan** sebagai usaha untuk memantapkan pencapaian atribut.

Gabungan Struktur Kurikulum, Portfolio Akademik Pelajar dan i-HPP membentuk satu sistem pementoran yang lebih menekankan kepada pencapaian atribut yang melibatkan penilaian hasil pembelajaran program (PO) dan usaha pemerksaan atribut.

PEJABAT DEKAN, FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8911 8003 Faksimili: +603-8925 2546 E-mel: [diyanahafizah@ukm.edu.my](mailto:diyanahafizah@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my/jurutera>

